

SULUHAN BUDI DI DALAM ISLAM

Didikan kepada anak-anak

II

Cara-cara memberi didikan

Di dalam Quran Tuhan berfirman menyuruh jika kita mengajak atau menyeru orang kepada jalan Tuhan iaitu segala jalan yang baik, maka hendaklah dengan menggunakan bijaksana dan perkataan-perkataan penarik yang baik yang boleh masuk kepada akal; dan jika orang yang di ajak itu melawan yakni menjawab dengan berbagai-bagai hujahnya maka lawanlah pula dengan apa-apa jalan yang lebih baik lagi bagi membukakan dan memuaskan hati mereka itu.

Firman-Nya : (*udū ilā sabīl rabbikā bi al-hikmat wa al-mau'izat al-ḥasanat wajādilhum billati hiyā ahsan*-surah al-Nahl 125). Ertinya : “Seru olehmu orang-orang kepada jalan Tuhanmu dengan memakai bijaksana dan perkataan-perkataan nasihat yang baik, dan lawan mereka itu berhujah dengan apa-apa jua hujah yang terlebih baik dan terlebih memberi bekas lagi.”

Oleh Zāba

Maka yang dikatakan “jalan Tuhan” di sini ialah jalan agama Islam yakni sebarang apa jua ajaran yang membawa kepada baik dan kebajikan dalam kehidupan di dunia ini dan kehidupan di akhirat. Jadi termasuklah juga perkara mendidik anak kepada tingkah laku perangai yang mulia. Kerana orang yang diseru dan diajar jalan Tuhan itu tidaklah mesti tertentu orang kafir sahaja tetapi orang Islam sendiri pun boleh termasuk juga. Pendeknya ajaran yang diberi di dalam ayat ini sebagaimana pada segala ajaran yang lain-lain di dalam Quran itu adalah cukup luas perkataannya boleh meliputi berbagai-bagai maksud dan tujuan pada tiap-tiap patah kalimahnyanya itu.

Jika diperhatikan baik-baik isinya ayat ini nyatalah

kita tidak disuruh, bahkan tidak dibenarkan, memakai kekerasan atau kelakuan yang garang semata-mata apabila mengajar atau mengajak orang kepada kebajikan walaupun orang itu orang kafir dan walaupun orang itu budak kecil dan anak kita sendiri. Melainkan hendaklah ditunjukkan dengan jalan yang benar yang boleh masuk kepada akal fikrian orang yang disuruh, diajak atau diajar itu, serta dengan lemah lembut dan bijaksana sekira-kira menarik dan menawan hatinya dan fikirannya; bukan dengan cemik dan cerca, bukan dengan mengeji-ngeji dan maki nista, bukan dengan sumpah seranah dan kata-kata yang kasar, yang hanya akan meliarkan hati jiwa, tidak menawan hati atau menambah akal.

Masalah kita di sini ialah fasal mendidik anak. Sebab itu marilah kita hadapkan diri kepada masalah itu sahaja dan tak usah dahulu kita bahaskan fasal menyeru orang kafir masuk Islam itu.

Ibu bapa mengajar anak-anak hendaklah jangan sentiasa dengan garang dan keras sahaja seperti bapa Abdullah Munshi mengajar dan mendidik Abdullah masa kecil-kecil dahulu sehingga budak itu tak berani mengangkat muka. Maka istimewa pula sangat-sangatlah tiada patut jika sentiasa menggunakan tengking herdik dan maki hamun dan sumpah seranah dan pukul bedal yang menyakiti kepada badan dan kepada hati. Kerana anak-anak itupun manusia seperti kita juga, tahu berfikir, tahu takut, dan tahu merasa hiba dan berkecil hati, bahkan jika kita mengajar binatang pun seperti anjing dan lembu tidaklah bijak dan pandai namanya guru itu jika dengan dipukul ditempek dan dimaki hamun sahaja. Apalagi jika anak manusia!

Sebaliknya pula tidaklah juga boleh jika mendidik itu dimanjakan terlampau sangat : apa-apa kehendak anak itu diikutkan, apa-apa ragamnya biarkan, apa-apa yang dia ingin dibelikan. Umpamanya ada orang kita lihat kalau anaknya hendak merokok atau menghisap curut pun dibelikan juga!Dengan tiada larangan dan sekatan, kerana sayang dan kasihan hendak menahan kehendak anaknya itu dan tak sampai hati hendak memarahkannya konon! Asalkan menangis sahaja sedikit anak itu sudahlah digosok, dipujuk, dijuah-juahkan. Kalau budak itu membuat salah dan kelakuan biadab di hadapan orang lain pun tidak dilarang hanya dibiarkan sahaja; kalau dia bercakap bohong dan menipu maka dipuji pula dikatakan dia cerdik! Asalkan tidak diturut apa kemahuan anak itu maka sudahlah dia menangis melalak-lalak sehingga orang-orang dikelilingnya pun mula melihat kelakuannya itu!!

Sekaliannya ini bukanlah jalan yang betul dan bijaksana bagi mendidik anak : yang terlampau garang dan bengis itu pun tiada betul, dan terlampau lembut dan memanjakan sampai “dipijakkannya kepala” itu pun tiada betul juga. Melainkan yang betulnya hendaklah ambil jalan yang pertengahan jua sebagaimana pada segala perkara hal ehwal hidup kita yang lain-lain,

seperti sabda Nabi Salam SAW (*khair al-umūr aw saḥā*): ertinya “yang sebaik-baik daripada segala hal itu ialah bahagian-bahagian yang pertengahannya.” tetapi menggunakan jalan pertengahan ini pun banyak pula orang yang tiada betul, istimewa tentang memadankannya dengan kehendak-kehendak tuntutan zaman ini.

Pendeknya berhubung dengan keras dan lembut ini yang sebaik-baiknya hendaklah lembut, tetapi lembut yang ada kekerasan di belakangnya. Yakni anak itu hendaklah diberi sedar bahawa ibu atau bapa itu sebenarnya ada kuasa dan ada upaya boleh memakai kekerasan jika perlu sekiranya anak itu tiada mengikut perintahnya yang betul dan baik. Maka apabila berlaku keingkaran yang demikian dari pihak si anak hendaklah ia gunakan dan jalankan kekerasan itu sungguh-sungguh. Jangan cakap atau gertak sahaja tidak dibuat; kerana jika gertak sahaja nescaya akan merendahkan darjat dan kuasa ibu bapa itu pada mata anaknya, dan itupun tidaklah takut akan ibu bapa itu.

Sebaliknya pula hendaklah jangan keras sahaja sentiasa, melainkan hendaklah ada lembutnya dan pujuknya apabila anak itu telah taat menyempurnakan sebagaimana yang di kehendakkan : dan jika dapat nyatakanlah pula kepadanya pada ketika itu apa sebabnya telah di pakai kekerasan itu tadi dan terangkan bagaimana salahnya yang ia telah melanggar perintah itu dan bagaimana patut dan adilnya ia boleh di kenakan kekerasan itu. Maka jika telah ada diberi janji hadiah dan sebagainya sekiranya anak itu taat dan berkelakuan baik, hendaklah disempurnakan janji itu, jangan cakap atau janji kosong sahaja tiada dipenuhi. Buat dan sempurnakanlah sungguh-sungguh seperti yang telah dijanjikan itu apabila anak itu telah menyempurnakan syaratnya. Adapun jika tiada janji balas atau hadiah maka sekurang-kurangnya hendaklah diberi sedikit pujian yang sederhana kepada anak itu apabila ia telah menyempurnakan sesuatu yang baik, kerana anak-anak memang suka kena puji jika ia baik, dan puji itu akan jadi penggalak besar kepadanya berbuat baik sebagaimana hadiah juga. Tetapi ingatlah jangan pula

puji itu berlebih-lebihan.

Anak-anak istimewa pada zaman ini sangat-sangat dikehendaki terlatih menggunakan akal fikirannya dan timbangannya sendiri mulai dari kecilnya pun lagi; dan pada masa telah besarnya kelak mereka sentiasa akan berkehendak dirinya itu ada mempunyai sifat tahu memulakan sesuatu kerja yang baik dengan fikirannya sendiri (sifat yang disebut *Initiative*) iaitu memulakan sesuatu dengan tidak didorong orang atau tidak meniru-niru apa yang telah dimulakan orang dan tidak menanti orang lain memulakannya dan ia mengikut sahaja dari belakang! Oleh itu maka wajiblah apabila mulai sahaja anak-anak itu tahu berfikir sendiri sedikit-sedikit, hendaklah perasaan baik dan jahat pada medan laku perangai dan budi pekerti ditiupkan ke dalam semangat akalnya dan alur fikirannya itu perlahan-lahan, iaitu dimasukkan dengan perkataan yang mudah dan senang dan dengan contoh-contoh yang boleh ia mengerti sekira-kira padan dengan otak dan akal fikirannya yang masih kecil itu. Kemudian dari permulaan yang senang dan sedikit itu diangsurlah tambah perlahan-lahan sehingga ia besar sampai kepada umur "*mumayyiz*" (*mumayyiz*) yakni umur mulai tahu membezakan baik jahat sendiri; dan dari situ sampai kepada umur kala baligh, hingga jadi orang muda. Kemudian orang pertengahan umur, dan akhirnya orang tua, maka pada masa ia masih kanak-kanak lagi itu tiap-tiap langkah pengajarnya hendaklah di padankan dengan umurnya dan darjat akalnya yang mentah lagi itu.

Tiap-tiap ajaran dan sifat laku perangai, baik atau jahat, yang hendak di masukkan atau di cabutkan daripada anak itu hendaklah seboleh-bolehnya dan serupa dapatnya di biasakan berhakim kepada timbangan dan akal fikiran anak itu sendiri. Misalan jika hendak mengajar dia bercakap benar maka hendaklah tunjukkan kepadanya dengan lembut apa baiknya bercakap benar itu, dan mengapa jika tidak bercakap benar itu tiada baik? Demikian juga hendaklah dihadapkan kepada fikirannya dan timbangannya yang baharu tumbuh itu

adakah dia sendiri suka kalau orang bercakap bohong kepadanya? Demikianlah di pimpinnya akan dia perlahan-lahan dengan bermacam-macam jalan lagi. Ikhtiarkanlah masing-masing dengan apa jua jalan yang baik dan munasabah kepadanya, asalkan jalan "yang berhikmah dan bijaksana".

Demikian pula jika mengajar suruh dia jangan suka menyeksakan binatang, membunuh rama-rama umpamanya, atau jangan melastik burung atau menyimpan burung dalam sangkar : hendaklah tunjukkan kepada akalnya yang masih kecil itu bagaimana aniayanya dan zalimnya dan tak patutnya dan seksanya kepada burung dan binatang itu jika diperbuatnya perbuatan-perbuatan tersebut itu : tidakkah kasihan? dan terangkan kepadanya adakah dia sendiri suka kalau dikoyak-koyak oleh harimau atau oleh jin dan hantu segala kaki tangannya, atau kalau dia dilastik oleh orang pula, atau dikurung orang walau dalam penjara emas sekalipun??

Kemudian jika umpamanya pula kita mengajar dia jangan mencuri bunga dari halaman rumah orang sebelah, atau jangan mencuri buah-buah dari kebun buah orang, maka tunjukkanlah dengan lembut kepada akalnya yang masih lemah itu fasal mencuri itu tak baik, tak patut, lagipun malu; dan dia sendiri pun tentulah tak suka kalau orang curi barang-barang dia.

Demikianlah pada beratus-ratus perkara yang lain lagi. Maka sekaliannya ini tidaklah berkehendak disebutkan kepadanya dari hal dosa dan seksa neraka, atau dibacakan ayat-ayat Quran dan hadis umpamanya, kerana ia belum sampai kepada darjat mengerti yang demikian itu. Dan lagi dikehendaki pula segala perangai baik jahatnya anak-anak itu apabila ia telah besar kelak hendaklah berasas diatas perasaan : "jika berbuat baik bukanlah kerana harapkan (atau hendakkan) balas dan upah dan puji melainkan hanya kerana perbuatan itu baik dan betul dan mulia; dan jika tiada berbuat jahat pula hendaklah bukan kerana takut kena keji, kena marah, kena pukul, atau kena seksa

semata-mata, melainkan hanyalah terutamanya kerana perbuatan itu jahat, salah dan keji sendirinya

Pendeknya anak-anak itu hendaklah dilihat berbuat baik dan menjauhi kejahatan hanya kerana akalnyanya dan timbangannya sendiri terasa dan kenal akan suatu perbuatan itu baik atau jahat, bukan kerana hendakkan balas atau puji, atau kerana takut kena hukum atau kena keji. Kerana jika sekiranya ia berbuat baik itu ialah kerana berharap balas, dan jika tidak berbuat jahat pula ialah kerana takut kena hukum atau takut malu sahaja, nescaya baik dan jahat kelak hanya akan tergantung kepada balas dan takutnya itu sahajalah, bukan ikhlas kerana baik atau jahat itu semata-mata. Yang demikian jika tidak ada balas tidaklah ia ingin hendak berbuat baik, dan jika tidak ada orang marah atau menangkap atau menghukum tidaklah ia perduli hendak menjauhi apa-apa perbuatan yang salah dan jahat itu.

Oleh itu maka sangatlah tiada betulnya jika anak yang telah mulai tahu berfikir itu masih juga di ajar surah buat baik dengan di janjikan upah seperti di belikan coklat atau baju baharu umpamanya; dan tiada betul juga jika mengajarnya jangan jahat pula sentiasa dengan ditakuti sahaja seperti di kata “marah bapa”, atau “aku pukul nanti”, atau di kata “jangan pergi bermain di situ, ada momok!” dan sebagainya. Maka istimewa pula jika dengan memakai perkataan yang keras dan kasar seperti bertempik-tempik memanggil anak itu hingga berpuluh kali serta terkadang dengan sumpah seranah atau dengan di kata umpamanya : “mari naik mentekedarah (muntahkan darah)”, “jangan menangis sial!” “jangan banyak ragam, aku terajangkan sekarang!”, “celaka budak ini, aku hempaskan nanti bersepai otaknyalah!” dan lain-lain perkataan marah seperti itu - iaitu perkataan-perkataan yang tiada bermakna apa-apa lagi kepada orang yang berkata itu. Tetapi tetaplah menunjukkan kelemahan dan kebodohnya sendiri sahaja. Budak itu pun tahu

perkataan-perkataan itu hanya “cakap kosong” sahaja, tak pernah dilihatnya emaknya atau bapanya itu menerajang atau menghempaskan dia sampai bersepai otak! Jadi semakinlah ia mua (Mua) dan mengada-ngada, hingga di bermain-mainkanlah emaknya atau bapanya itu!!

Maka terlebih lagi buruknya pula jika menggunakan perkataan maki hamun yang cemar dan mencarut-carut yang demikian hanya menunjukkan rendah dan hina darjat didikan ibu bapa itu sendiri pun, dan anak-anak itu tentu akan mengikut seperti mereka pula kelak.

Perkaranya yang hendak dilatihkan dan dididikan kepada anak-anak itu amatlah banyak sam ada sifat-sifat yang baik yang hendak dimasukkan kepadanya dan sifat-sifat jahat yang hendak dijauhan. Tetapi kepadanya sekali ialah bercakap benar : Itulah asas yang terbesar daripada segala sifat-sifat keperangai yang lain. Nabi kita Salam sebelum ia dibangkitkan jadi Rasul sifat sentiasa bercakap benar inilah sifat yang terbesar sekali telah sedia ada pada dirinya. Sehingga digelar orang akan dia dari masa budak hingga ia teruna dan hingga ia jadi Nabi dengan gelaran “al-Amin” yakni yang boleh dipercayai, yang sentiasa benar tak tahu berdusta. Di dalam Quran dan di dalam hadis sangat banyak didapati ajaran yang menyuruh bercakap benar dan melarang jangan berdusta itu sesungguhnya apabila telah ada sifat bercakap benar dan tiada mahu berdusta itu pada seseorang maka segala sifat-sifat kemuliaan perangai yang lain-lain akan mengikut sendiri.

Di riwayatkan orang bahawa pada suatu hari datang seorang lelaki kepada Rasulullah SAW mengatakan ia hendak masuk Islam maka setelah ia mengucap dua kalimah syahadah ia pun berkata kepada Rasulullah : “saya telah biasa berbuat bermacam-macam dosa yang tiada upaya saya hendak berhenti daripadanya”. Maka jawab Rasulullah (*hal tā' had ni alā tarā al-kadāb?* Ertinya : “bolehkah engkau berjanji dengan Aku yang engkau tidak akan berbuat bohong?” Maka jawab orang itu “bolehlah!” Lalu ia pun berjanjilah tidak akan

berkata-kata dusta kepada siapa-siapa jua. Kemudian ia pun keluar dari hadapan Rasulullah seraya berfikir dalam hatinya : “wah senangnya syarat yang dikehendakkan oleh Nabi yang mulia ini!” Kemudian daripada itu apabila ia terlintas hati hendak mencuri ia berkata-kata dalam hatinya : “kalau aku mencuri sekarang kemudian ditanya oleh Rasul Allah apa hendak ku jawabkan? Kalau aku mengaku aku jawab ‘ya, saya mencuri’ nescaya tetaplah aku kena hukum; dan kalau aku bertidak pula nescaya di situlah aku, padahal aku telah berjanji dengan dia tidak hendak bercakap bohong sebab itu lebih baiklah tak ubah aku mencuri.”

Dengan hal yang demikian berhentilah ia daripada mencuri. Demikianlah pada lain-lain perkara kejahatan dan dosa yang ia teringat hendak mengerjakan kemudian daripada itu seperti berzina, berjudi, menipu, dan lainnya. Tiap-tiap kali ia teringat hendak berbuat perkara-perkara itu maka ia teringat akan janjinya dengan Rasulullah itu. Jadi dapatlah ia menahan diri daripada mengerjakan perbuatan-perbuatan dosa itu. Akhirnya sehingga betulah halnya dan jadilah ia seorang yang baik dan banyak menolong memajukan agama Islam serta kuat berpegang kepada segala ajaran-Nya dan memelihara segala kelebihanNya.

Demikianlah utamanya perangai bercakap benar dan tidak suka berdusta itu; dan demikianlah caranya Rasulullah mengajar seseorang daripada pengikutnya, iaitu dimulakannya dengan ajaran mesti berkata-kata benar dan menjauhi dosa.

Perkara-perkara yang lain daripada berkata-kata benar ini banyakkah lagi yang mesti dididikkan kepada anak-anak itu seperti amanah, kepercayaan, jangan menipu, jangan bersembunyi-sembunyi membuat yang tiada baik, jangan mungkir janji, jangan mengambil hak orang, jangan bongkak, jangan menyembapkan (memenyapkan) barang-barang yang terjumpa di jalan, jangan makan suap – iaitu semuanya tercawang daripada perangai bercakap benar dan lurus hati tadi. Demikian pula perangai hendaklah bersih

fikiran, perkataan, dan buatan. Jangan mencarut dan menyumpah-nyumpah : hendaklah kasihan kepada binatang : hendaklah jimat cermat, jangan boros dan membuang-buang harta, hendaklah kuat bekerja, hendaklah berani, jangan sentiasa bertunduk-tunduk tak berani menentang muka orang, dan beratus-ratus perkara yang lain lagi. Semuanya itu wajiblah dididikkan dengan jalan menarik akal fikiran anak itu keluar supaya ia belajar menimbang baik jahatnya sendiri seperti yang telah di sebutkan tadi.

Dalam Quran ada tercontoh bagaimana Nabi Nuh mengajar anak dan mengajak dia naik bahtera pada masa bah besar yang mahsyur itu (iaitu dalam surah Hud ayat 42 dan 43). Dan juga tersebut dalam Quran bagaimana Lokman mengajar anaknya jangan menyekutukan Tuhan dan sebagainya (iaitu dalam surah Luqmān ayat 12 hingga 19). Tiap-tiap perkara yang diajarkannya itu diberinya sebab-sebab yang manggul supaya masuk kepada hati anaknya itu dan supaya boleh anaknya itu menimbang sendiri benar salahnya.

Sementara itu kita tutup bahagian ini dengan mengingatkan sedikit fikiran al-Ghazālī tentang membenarkan anak-anak itu main-main dan membiasakan mereka bersusah payah. Katanya :

(1) “Tiap-tiap lepas daripada waktu belajar hendaklah kanak-kanak itu diberikan bermain-main yang memulihkan cergasnya daripada letih dan teruk belajar itu. Kerana kanak-kanak apabila dilarang bermain-main, hanya di suruh bertubi belajar sahaja, nescaya hatinya jadi tumpul dan gelap. Lalu hilang cergas dan cerdiknya yang membawa dia tiada gemar belajar dan lari dari sekolah.”

(2) “Kanak-kanak yang di dalam pelajaran segayalah dibiasakan lebih kurang sahaja pada makanannya dan pakaiannya dan tempat tidurnya. Misalnya biasakanlah dia pada terkadang-kadang masa makan roti sahaja umpamanya (bagi kita di sebelah sini barang kali boleh di kata “makan nasi dengan kari sahaja”) supaya ia tahu bagaimana makan dengan tiada berlauk. Demikian (sambungan pada muka 34)

daripada berbuat demikian!

Saya menyeru orang-orang kita yang terdidik secara barat itu janganlah terburu-buru menuduh Islam dan ajaran-ajarannya serta peraturan-peraturan yang dibuatnya itu dengan tuduhan yang bukan-bukan seperti *Not Practicable* atau sebagainya. Kalau pun tuan-tuan hendak menuduh Islam, janganlah tuduh sebelum mempelajarinya dan mengkajinya lebih dalam. Jemputlah tuan-tuan mengkaji Islam itu sebagai suatu peraturan hidup dan bukan sebagai suatu agama. Kerana nampaknya sebutan agama, pada masa ini, sudah menjadi momok atau menjadi tanda kemunduran pada pandangan orang-orang yang ke barat-baratan. Saya mengajak tuan-tuan mempelajari Islam, kemudian kalau hendak menegur atau menuduh biarlah tuan-tuan melakukannya setelah tuan-tuan mempelajarinya sendiri. Janganlah kita menuduh agama kita atau memujinya dengan hanya meniru orang-orang orientalis yang menuduhnya atau memujinya. Biarlah puji atau keji itu daripada penyiasatan dan pendapatan orang lain. Tidak ada suatu perkara yang dikutuk oleh Islam lebih daripada perkara meniru buta tuli. Islam tidak suka orang yang demikian rupa dan ia menggalakkan orang-orang supaya bebas dalam berfikir, hati tak jadi momok pun Tuhan tak suka dengan meniru buta tuli. Demikian juga hendak menjadi kafir. Islam suka tiap-tiap seorang itu mengambil keputusan di dalam sesuatu perkara dengan tidak membabi buta dan meniru sahaja.

Oleh itu, saya dengan kuatnya meminta daripada orang-orang kita yang terdidik secara barat itu mempelajari Islam terlebih dahulu. Kemudian kalau hendak menegur Islam, tegurlah apa-apa perkara yang di dapati tidak terang dan musykil dalam ajaran-ajaran Islam itu sendiri, dan janganlah tuan-tuan menegur Islam kerana tuan-tuan dapati seorang orientalis dalam bukunya, umpamanya. Menegur Islam, maka tuan-tuan pun mengikutnya dengan tak tahu hujung pangkal dan dengan tidak menyelidik terlebih dahulu adanya.

(Sambungan dari muka 31)

pula hendaklah dibiasakan dia memakai pakaian kain-kain kasar sahaja serta tiada beruran warna atau corak-corak yang cantik dan bukan setara. Demikian lagi biasakan dia tidur di atas tikar atau alas-alas yang nipis sahaja, supaya tubuh anggotanya terlatih menahan susah dan dengan demikian boleh menjadi keras dan tahan. Jangan tahu hendak bersedap-sedap sahaja.”

Kedua-dua pesanan ini ialah dihadapkan kepada ibu bapa dan oenjaga anak-anak dan kedua-duanya telah dilafazkan hampir 900 tahun dahulu oleh seorang penganjur besar Islam yang terkenal sebagai failasuf dan ahli fikiran tinggi di seluruh dunia Islam dan di seluruh dunia yang berpelajaran sekarang pun. Maka sungguhpun siasatan manusia dalam alam didikan, alam perguruan dan alam persekolahan telah jauh bertambah majunya zaman kita ini tetapi perkataan yang telah di katakan oleh al-Ghazālī itu masih tetap juga benarnya tiada berubah, kecuali tentang “membiasakan anak-anak” makan minum lebih kurang sahaja itu wajib diibaratkan perkataannya “pada terkadang-kadang masa” itu.

Dalam sambungan yang ketiga kelak kita akan bahaskan dari hal “melatih anak-anak mengenal baik dan jahat”.

Hampir Siap!

Cetak yang Ketiga!

* GUA MUSANG *

Mustahak disimpan dalam tiap-tiap rumah kerana buku ini menceritakan kisah yang sebenar-benarnya berlaku dalam masa pemerintahan Jepun yang dialami oleh seorang ibu Melayu.

Sedih!

Hebat!

Dasyat!

Harga senaskah \$1.20 – pos 10 sen

Pesanlah kepada :

QALAM

356 & 358, Geylang Road, Singapore 14.
